

# Cabaran besar BN Johor

**SENAI** – Barisan Nasional berjaya mengekalkan majoriti dua pertiga Dun Johor pada PRU13 sekaligus menyaksikan pelantikan Menteri Besar Baru dan 50 peratus muka baru barisan Exco negeri.

Bekas Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman menamatkan khidmat 18 tahun selaku pemimpin nombor satu manakala lima Exco kerajaan negeri tidak bertanding dan satu bertukar kerusi Dun ke Parlimen.

Keputusan memberangsangkan apabila Pakatan rakyat (PR) berjaya menang di 18 kerusi Dun iaitu pe-

ningkatan tiga kali ganda berbanding PRU 2008.

Biarpun PR gagal dalam misi menakluki Johor namun penguasaan mereka di negeri ini meningkat dan akan memberi warna dalam persidangan Dun kelak.

Akur dengan kemenangan di lima kerusi Parlimen di mana 90 peratus didominasi DAP manakala satu PKR, dengan kerusi Bakri dikekalkan dan tambahan Batu Pahat, Kluang dan Gelang Patah adalah pencapaian terbaik PR di Johor.

Menurut penganalisis politik yang juga Pensyarah Fakulti Sains,

Teknologi Dan Pembangunan Insan, Dr Md Akbal Abdullah, PRU13 merekodkan keputusan terburuk BN di negeri ini sejak merdeka.

“Sebenarnya, kedudukan politik BN menjelang PRU13 berada dalam keadaan kucar-kacir berikutan beberapa keputusan dan tindakan yang dilakukan beberapa pihak dalam negeri Johor yang menjelaskannya.

“Diakui Johor membuktikan semangat perkongsian wujud, kerana masyarakat masih memegang hakikat BN mesti menang, orang Melayu hendakkan perkongsian wujud malah dibuktikan di beberapa kawasan

majoriti kaum lain ditandingi calon Melayu dan sebaliknya.

“Namun semangat perkongsi-an kuasa dalam BN itu seakan tidak dihayati dan dikhawatir sekiranya ini tidak diubah akan memberi impak pada PRU seterusnya,” katanya kepada Sinar Harian, di sini, semalam.

Jelasnya, sidang Dun tentunya lebih mencabar dengan kehadiran 13 Adun dari DAP, 4 - Pas dan 1- PKR.

Namun beliau percaya semangat ‘kejohoran’ dan semangat Islam masyarakat negeri ini akan memberi rencah dan berharap kerajaan negeri lebih bertegas dalam pelaksanaannya.



MD AKBAL